



“MENCARI REZEKI YANG HALAL”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَقُلِّ آعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ
وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَلِمِ الرَّغَبِ
وَالشَّهَدَةِ فَيَنْبَئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah.

Marilah kita meningkatkan darjat ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-



Nya agar meneguhkan nilai-nilai keimanan dengan patuh dan taat melakukan amal-amal soleh bagi mengcapai nikmat kebahagiaan di dunia dan juga akhirat. Sesungguhnya hanya hamba Allah yang patuh dan taat sahaja akan benar-benar terselamat daripada azab siksaan api neraka Allah yang amat dahsyat.

Mimbar Jumaat pada hari ini ingin mengajak jemaah untuk menghayati khutbah yang bertajuk "**MENCARI REZEKI YANG HALAL**".

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 168 :

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا
تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ


"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu"

Sidang Jumaat sekalian,

Allah memberi peringatan, agar manusia mencari rezeki yang halal dan baik dan tidak mencari rezeki melalui jalan dan jejak langkah perbuatan syaitan. Inilah sebenarnya matlamat kehidupan manusia di dunia yang harus dicari khususnya dalam aspek patuh dan taat dalam urusan meraih rezeki yang halal dalam kehidupan kita.

Namun persoalannya, adakah kita benar-benar telah menjadi hamba yang sentiasa berusaha memastikan keberkatan dalam setiap sumber rezeki? Betapa ramai antara kita yang sentiasa bermuhasabah tentang



kualiti kerja, namun bagaimana pula dengan kualiti rezeki. Adakah kita telah menjemput rezeki yang halal lagi baik ke dalam ruh dan jasad kita?

Rezeki yang dikurniakan adalah untuk disyukuri melalui pengabdian kepada Allah SWT. Rezeki yang halal lagi baik, akan mendorong tuannya mengabdikan diri kepada Allah SWT seterusnya menjauhi laranganNya. Para hamba yang soleh, mereka memperoleh kenikmatan berupa sesuatu yang baik dan halal, kemudian mereka memuji Allah, bersyukur dengan rahmat, dan kasih sayang Allah SWT.

Sumber rezeki yang halal lagi baik merupakan kunci kepada pembentukan masyarakat yang bertakwa. Masyarakat yang hidup penuh beretika, tidak akan bersekongkol dengan penglibatan rasuah, penipuan mahupun penganiayaan. Justeru, setiap rezeki daripada pekerjaan yang dilakukan mestilah daripada perolehan yang halal serta dijamin keberkatannya.

Hadis daripada Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نََبَتَ مِنْ سُخْتٍ، النَّارُ أَوْلَى بِهِ

"Tidak masuk syurga setiap daging yang tumbuh dari hasil yang haram, maka nerakalah tempat yang paling layak untuknya."

(Riwayat Imam Ahmad).

Hadis daripada Abi 'Abdillah al-Nu'man Ibn Basyir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:



إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَالِحَ
الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا
وَهِيَ الْقَلْبُ

“Sesungguhnya dalam tubuh anak adam ada seketul daging. Jika baik daging itu maka baiklah seluruh anggota badan. Sebaliknya jika rosak daging itu, rosaklah seluruh anggota badan. Ketahuilah bahawa daging itu ialah hati.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Pada kebiasaannya, kita hanya mementingkan soal zat rezeki itu sama ada halal atau haram tetapi jarang sekali mengambil tahu sumbernya. Perbandingannya, apabila seseorang yang memperolehi hasil wang judi digunakan untuk menyara hidup keluarganya. Lihatlah hanya zat duit dalam konteks rezeki tadi sahaja yang dipentingkan tetapi sumber mendapatkannya (berjudi) tadi tidak lagi dihiraukan. Begitulah juga halnya dalam soal masa ketika bekerja. Si pencuri masa dan pencuri tulang tidak akan sedar bahawa saat kerja buatnya itu adalah sumber rezekinya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sesungguhnya Islam melihat pekerjaan sebagai suatu yang sangat bernilai. Malah Islam menganggap bekerja untuk memperolehi rezeki atau pendapatan yang halal merupakan hakikat yang diletakkan setaraf dengan kedudukan berjihad di jalan Allah. Sebab itu jugalah, Islam menganjurkan umatnya bekerja keras bukan sahaja untuk kebaikan di akhirat, bahkan



untuk memperoleh kecemerlangan hidup di dunia.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

طَلْبُ الْحَلَالِ جَهَادٌ

"Mencari yang halal itu jihad"

(Riwayat al-Qudho'ie).

Megimbau sirah para anbiya' yang lalu, dimana ketegasan dalam memenuhi kewajipan mencari pekerjaan yang halal lagi baik sudah dirintis oleh para nabi dan rasul. Sebagai contoh, Nabi Idris bekerja sebagai seorang tukang jahit, Nabi Daud dengan kepakarannya dalam bidang besi, Nabi Sulaiman pula berkemahiran tinggi dalam urusan menganyam daun kurma dan pekerjaan Nabi Zakaria sebagai tukang kayu yang profesional. Tidak lupa pekerjaan mulia Nabi kita Muhammad SAW sebagai penggembala kambing di peringkat awalnya, seterusnya berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Begitulah kehebatan para kekasih Allah dalam pekerjaannya. Apa yang lebih ditekankan, ialah sumber rezeki itu mestilah bermula dengan pekerjaan yang halal dan baik dalam pelbagai bidang sekalipun. Apa yang islam larang ialah kerjaya yang melibatkan unsur-unsur yang haram seperti perjudiaan, pertaruhan, pelacuran, arak, riba', pencuri masa, rasuah, penipuan, kezaliman, dan pelbagai lagi.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 114:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَآشْكُرُوا



نَعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانَ تَعْبُدُونَ

"Maka makanlah daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu yang halal lagi baik, dan bersyukurlah kamu akan nikmat Allah sekiranya kamu benar-benar beribadah kepadanya".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Apabila seorang pekerja telah melakukan tugasan yang dibebankan kepadanya, maka pihak majikan berkewajipan membayar upah pekerjaan tersebut pada masa yang disepakati. Menunda-nunda apalagi tidak membayar gaji pekerja hukumnya ialah haram. Perbuatan ini merupakan satu tindakan zalim dan pelanggaran kontrak yang termeterai antara majikan dan pekerja.

Hadis daripada Ibn Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَعْطُوا الْأَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجْفَ عَرْقَهُ.

"Berikanlah upah pekerja sebelum keringatnya kering"

(Riwayat Ibn Majah).

Mereka yang benar-benar beriman akan menjaga sumber rezeki dengan berhati-hati. Apa lagi dengan yang haram, yang syubhab pun hendaklah dijauhi dengan sedaya mungkin. Perlu diingat bahawa satu kejahatan dan perlakuan haram itu, bukan akan dibalas di akhirat malah di dunia lagi kita akan menerima bahananya. Bukan sahaja seksa di penjara, didenda atau sebat oleh para penguatkuasa undang-undang dunia, tetapi 'seksaan dalaman' yang berbentuk keresahan, kebimbangan, kemurungan,



ketakutan dan lain-lain perasaan negatif yang akan menghantui kita sepanjang hidup.

Sumber rezeki yang haram akan membawa kepada porak peranda sistem kekeluargaan dan masyarakat. Apabila anak-anak dan keluarga diberi rezeki yang haram, besar kemungkinan gejala sosial dalam kalangan masyarakat seperti perceraian, pembunuhan, penderaan, kecurangan, ketagihan dadah, vandalisme, rempit, zina, dan pendedahan aurat ialah akibat langsung daripada rezeki haram yang melingkari kehidupan mereka.

Dalam hal yang demikian, maka wajiblah kita bertanggungjawab ke atas semua ini iaitu berusaha dengan sedaya upaya untuk mencari rezeki yang halal dan diredhai oleh Allah SWT. Berikut beberapa panduan yang diajar oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW dalam mencari keberkatan ke atas sumber rezeki yang halal.

1. Umat Islam hendaklah berusaha dan bekerja dengan istiqamah dalam mencari rezeki yang halal. Kita perlu berusaha dengan gigih dan tekun yang luar biasa. Usaha kita mencari kegemilangan mesti sentiasa berterusan dan tidak hanya sekerat jalan. Tekad dan usaha sebeginilah yang kita namakan istiqamah.
2. Umat Islam hendaklah bekerja dengan ikhlas dan jujur. Kerja buat yang dilakukan secara berterusan akan diberi pahala oleh Allah SWT dan dianggap sebagai amal soleh jika dikerjakan dengan penuh tanggungjawab, ikhlas dan jujur.
3. Umat Islam hendaklah mewujudkan budaya kerja yang cemerlang dalam mencari rezeki yang halal. Islam menganjurkan umatnya supaya menekuni dan berusaha gigih dalam mencapai kegemilangan di



dunia dan kebahagiaan di akhirat.

4. Umat Islam juga perlu menafkahkan sebahagian daripada rezeki kepada pihak yang memerlukan sebagai tanda syukur ke atas usaha mencari rezeki yang halal. Begitu juga dalam mentaati perintah Allah dengan mengeluarkan zakat terhadap rezeki yang diperolehi, kepada para asnaf dengan agihan yang adil dan saksama.
5. Umat Islam hendaklah menjauhkan diri daripada sikap hasad dan dengki ketika bersaing mencari rezeki seperti menggunakan ilmu-ilmu hitam, sihir menyihir dan ilmu pelaris yang menyalahi syarak.

Oleh itu marilah kita sama-sama berusaha mejadikan ciri-ciri atau panduan yang disebutkan tadi sebagai rujukan dalam perkhidmatan pekerjaan kita. Mudah-mudahan dengan itu kita mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَكُلُّوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ اللَّهُ حَلَلَ طَيِّبًا وَأَتَقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ
بِهِ مُؤْمِنُونَ

“Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, laitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman”.

(Surah Al-Maidah: 88).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُوَ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjadikan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul **
23.04.2015